

12 SEP 2003  
UiTM-Formula

#### UITM RANGKA FORMULA UNTUK SEIMBANGKAN PELAJAR WANITA DAN LELAKI

SHAH ALAM, 12 Sept (Bernama) -- Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah merangka satu formula yang bakal mengseimbangkan komposisi penuntut wanita dan lelaki di universiti itu pada tahun 2008.

Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah berkata menyedari tentang ketidakseimbangan jantina di universiti itu yang kini dikuasai oleh kaum hawa, UiTM membuat keputusan untuk memperbaiki keadaan itu.

Penuntut wanita menguasai 63 peratus populasi UiTM sekarang, kata Prof Ibrahim pada sidang media di sini hari ini.

Beliau menjelaskan formula yang dirangka itu akan meningkatkan pengambilan penuntut lelaki tanpa mengurangkan kemasukan jumlah pelajar wanita ke UiTM.

"Kita tidak akan ganggu pelajar wanita dengan mengurangkan pelajar wanita. Apa yang kita nak lakukan ialah meningkatkan pengambilan pelajar lelaki. Kita sasarkan untuk menyeimbangkan penuntut wanita dan lelaki ini dapat dicapai dalam masa lima tahun lagi," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berkunjung ke UiTM baru-baru ini telah mencabar golongan pemuda untuk menyeimbangkan nisbah antara penuntut lelaki dan wanita di institusi pengajian tinggi yang kini 70 peratus dikuasai oleh wanita.

Prof Ibrahim berkata UiTM tidak akan mengurangkan kelayakan minimum untuk membantu meningkatkan kemasukan pelajar lelaki.

"Yang pasti kita tidak akan merendahkan syarat kelayakan. Sebaliknya sesetengah fakulti pula mahu mengetatkan lagi syarat kelayakan," katanya.

Beliau berkata proses untuk menyeimbangkan komposisi antara pelajar wanita dan lelaki itu akan bermula pada pengambilan bagi sesi pengajian November ini.

UiTM pada kebiasaannya mengambil kira-kira 10,000 pelajar pada sesi November manakala sesi Mei sebanyak 20,000.

Beliau berkata semua cawangan UiTM telah diarahkan untuk memastikan terdapat pertambahan bilangan pelajar lelaki dalam sesi pengajian akan datang.

-- BERNAMA  
LES RHM